

14 NOV 2001

Mahathir-PBS

PERDANA MENTERI SAMBUT BAIK HASRAT PBS SERTAI SEMULA BN

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik keputusan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk memohon menyertai semula Barisan Nasional (BN), sambil menyifatkannya sebagai langkah yang baik.

"Makin banyak, makin bagus," kata Perdana Menteri kepada pemberita di rumah terbuka Deepavali Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu di Sekolah Menengah Chung Hwa di Jalan Ipoh di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata BN perlu menimbang latar belakang dan keikhlasan PBS kerana, katanya : "Kita tidak mahu pisang berbuah dua kali."

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN diminta mengulas keputusan Majlis Tertinggi PBS malam tadi supaya parti itu memohon dalam masa terdekat ini untuk menganggotai semula BN.

PBS pernah menjadi komponen BN tetapi membuat kejutan menjelang hari pengundian pada pilihan raya umum 1990 dengan bertindak keluar untuk menyertai pakatan pembangkang kerana merasakan ia "tidak diberi layanan adil" oleh BN.

Ketika diminta mengulas kenyataannya sebelum ini bahawa beliau tidak akan menerima balik PBS dalam BN, Dr Mahathir berkata beliau merupakan seorang yang pemaaf.

"Kamu mungkin ingat saya berkata saya tak akan menerima Tengku Razaleigh (Hamzah), tetapi saya mudah memaafkan orang," katanya merujuk kepada kemasukan semula bekas presiden Parti Semangat 46 itu bersama pengikut-pengikutnya ke dalam Umno.

Ditanya sama ada sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah akan dimansuhkan jika PBS diterima semula dalam BN, Dr Mahathir berkata terpulang kepada rakyat Sabah menentukannya.

"Kita bagi formula dan formula itu ada kebaikan. Kita tahu PBS tidak suka rotation (penggiliran), tak apalah. Biar mereka fikir sendiri," katanya.

-- BERNAMA

AT NM ZS MAI